



SALINAN DOKUMEN  
TIDAK TERKAWAL

SPK HCTM

## HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

### PROSEDUR KERJA PELAN PENGURUSAN RISIKO HCTM HCTM/JKIK/UPR/PR02

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Wakil Dokumentasi Jabatan	<b>KHAIRUL HAZDI YUSOF</b>  ..... Ketua Jaminan Kualiti/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit	<b>DR ABDUL RASHID ABDUL KADER</b>  ..... Ketua Jabatan
Tarikh : 04/03/2026	Tarikh : 04/03/2026	Tarikh : 04/03/2026

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuat Kuasa
1	1	01/04/2026

**REKOD PINDAAN DOKUMEN**

Adalah menjadi tanggungjawab pengurusan dokumen untuk memastikan dokumen sentiasa dikemaskini.

REKOD PINDAAN					
NO BIL	NO ISU	NO SEMAKAN	MUKA SURAT	RINGKASAN PINDAAN	TARIKH KUAT KUASA



## UNIT PENGURUSAN RISIKO

### HCTM/JKIK/UPR/PR02 : PELAN PENGURUSAN RISIKO

SALINAN DOKUMEN  
TIDAK TERKAWAL  
SPK HCTM

#### SENARAI EDARAN DOKUMEN TERKAWAL

No. Dokumen Kawalan	Penerima
1	Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
2	Semua Jabatan dan Unit di HCTM
3	Jabatan Kualiti, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

## JADUAL KANDUNGAN

No	Kandungan	Muka Surat
1.0	Pengenalan	5
2.0	Skop	6
3.0	Objektif	6
4.0	Definisi	7
5.0	Singkatan	8
6.0	Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko Hospital Canselor Tuanku Muhriz	8
7.0	Carta Alir Pengurusan Risiko	10
8.0	Proses Pengurusan Risiko	11
9.0	Had Penerimaan Risiko	24
10.0	Persediaan Menghadapi Bencana	25
11.0	Rujukan	26
12.0	Dokumen Berkaitan	26
13.0	Lampiran	27

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 LATAR BELAKANG UNIT PENGURUSAN RISIKO HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ

Pengurusan risiko di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) HCTM Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula seawal 1 Mac 2013 apabila seorang Pegawai risiko dilantik. Pada 2016, Jawatankuasa Pengurusan Risiko ditubuhkan dan pegawai risiko HCTM dilantik selaras dengan penstrukturan dan penubuhan Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM (ROSH-UKM). Unit Pengurusan Risiko (UPR) kemudian ditubuhkan pada 22 Disember 2020 yang antara lain bertanggungjawab menyokong Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk melaksanakan peranan pengawasan risiko, pembangunan kerangka kerja, perumusan dasar dan metodologi, serta pemantauan dan pelaporan isu-isu utama risiko secara bebas. Kerja tadbir urus pengurusan risiko adalah di bawah tanggungjawab Unit Pengurusan Risiko HCTM dan dibantu oleh pegawai risiko di setiap jabatan/pusat/unit/bahagian.

Unit Pengurusan Risiko menyediakan sistem pengkalan data yang telah di validasi dan di selaraskan penggunaan oleh pihak ROSH-UKM. Di peringkat ini Unit Pengurusan Risiko akan melakukan kaedah bengkel dan latihan memasukkan data daftar risiko ke dalam sistem pengkalan data daftar risiko oleh pegawai risiko yang telah di lantik oleh HCTM. Setiap pegawai risiko bekerjasama dengan ketua jabatan untuk mengenalpasti risiko yang telah dan kemungkinan akan berlaku mengikut kebarangkalian dan impak risiko di jabatan/ pusat/unit/bahagian masing-masing.

Mereka di berikan tunjuk ajar dan latihan oleh pegawai pengurusan risiko untuk menganalisa kemungkinan risiko berlaku berdasarkan kebarangkalian, kesan, akibat dan tahap risiko masing-masing. Pegawai risiko dan ketua jabatan/pusat/unit/bahagian akan mengenalpasti, menganalisa dan memasukkan daftar risiko berdasarkan kepada isu dalamam dan luaran, objektif kualiti dan proses kerja. Terdapat tujuh jenis risiko berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia dan disesuaikan dengan MSQH (Malaysian Society for Quality in Health) iaitu perundangan, strategik, keselamatan maklumat, sumber manusia, reputasi, kewangan dan operasi. Pegawai risiko bersama ketua jabatan/pusat/unit/bahagian akan menentukan nilai bagi kebarangkalian dan impak risiko yang dikenalpasti. Seterusnya menentukan kategori risiko sama ada signifikan atau tidak. Pegawai risiko bersama ketua jabatan akan mencadangkan kaedah terbaik untuk menghadapi risiko seperti terima dengan menyediakan pelan tindakan yang sesuai, mengurangkan impak risiko, pindahkan risiko kepada pihak ketiga dan elakkan risiko dengan menutup aktiviti yang boleh menyebabkan risiko.

Pihak UPR menggunakan 7 kategori risiko yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti jadual di bawah:

Kategori	Definisi
Strategik	Risiko yang berkaitan dengan strategi atau polisi yang gagal atau silap
Keselamatan Maklumat	Risiko berkaitan dengan maklumat yang dihasilkan tidak tepat, tidak lengkap, tidak sesuai, disalahguna, tidak mengikut isu semasa
Sumber Manusia	Risiko yang berkaitan memberi kesan yang mendalam kepada manusia
Reputasi	Risiko yang berkaitan dengan nama Negara / Kementerian / Jabatan dan Unit.
Kewangan	Risiko berkaitan dengan kewangan, transaksi, penipuan dan kecairan
Operasi	Risiko yang berkaitan dengan kerja yang tidak dapat disiapkan pada masanya. Juga operasi yang melibatkan perkhidmatan hospital
Perundangan	Risiko yang boleh memerikan kesan kepada pematuhan undang undang peraturan dan kontrak

## 1.2 VISI

Menjadikan perkhidmatan dan operasi hospital cemerlang dalam sebuah persekitaran organisasi terurus risiko.

## 1.3 MISI

Mencapai kecemerlangan perkhidmatan dan operasi melalui pelaksanaan kerangka kerja dan sistem pengurusan risiko seluruh organisasi sesuai dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa.

## 2.0 SKOP

Terpakai bagi keseluruhan proses mengenalpasti, menganalisa, merangka pelan rawatan dan menilai keberkesanan mekanisma pengurusan risiko HCTM.

## 3.0 OBJEKTIF

### 3.1 Objektif Am

Menggariskan Pelan Pengurusan Risiko bagi HCTM;

### 3.2 Objektif Spesifik

- 3.2.1 Mengenalpasti risiko di peringkat organisasi, jabatan dan individu di HCTM;
- 3.2.2 Merancang mekanisma pengurusan risiko yang sistematik bagi mengenalpasti, menilai, mengawal dan memantau risiko yang dikenalpasti;
- 3.2.3 Merekodkan hasil analisa setiap insiden risiko yang telah dikenalpasti secara komprehensif sebagai rujukan pengurusan tinggi dalam memastikan tindakan bersesuaian dapat diambil dengan berkesan;
- 3.2.4 Memastikan risiko Tinggi dan Sangat Tinggi yang memberi kesan ke atas pencapaian perkhidmatan di HCTM dapat dikawal secara sistematik;
- 3.2.5 Menjadi mekanisme dalam mengkoordinasikan tindakan pencegahan dan mitigasi ke atas risiko yang telah dikenalpasti;
- 3.2.6 Membuat perancangan latihan bagi anggota yang sesuai dengan prinsip pengurusan risiko, untuk bersesuaian dengan peranan dan tanggungjawab mereka dalam pengurusan risiko.

### 4.0 DEFINISI

- 4.1 **Risiko:** Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku serta boleh memberi kesan terhadap pencapaian objektif atau matlamat HCTM.
- 4.2 **Pengurusan Risiko:** Satu proses berterusan yang dilaksanakan di semua peringkat HCTM bagi membentuk strategi keseluruhan aktiviti melalui pengenalpastian peristiwa yang mungkin berlaku dan memberi kesan kepada aspirasi HCTM, serta mengurus risiko yang dikenalpasti mengikut ketetapan HCTM bagi memberikan jaminan munasabah ke arah pencapaian objektif HCTM
- 4.3 **Daftar Risiko:** Dokumen yang mendaftar semua risiko HCTM dari risiko Rendah sehingga Sangat Tinggi.

## 5.0 SINGKATAN


- |     |      |  |
|-----|------|--|
| 5.1 | HCTM | Hospital Canselor Tuanku Muhriz                              |
| 5.2 | JKP  | Jawatankuasa Keselamatan dan Persekitaran HCTM               |
| 5.3 | ROSH | Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 5.4 | UPR  | Unit Pengurusan Risiko                                       |
| 5.5 | UKM  | Universiti Kebangsaan Malaysia                               |

## 6.0 JAWATANKUASA PELAN PENGURUSAN RISIKO *HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ*


### 6.1 Terma Rujukan Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko:

- 6.1.1 Bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun/berkala;
- 6.1.2 Menilai penemuan risiko Tinggi dan Sangat Tinggi dan membincangkan tindakan kawalan risiko yang patut diambil untuk mengawal risiko tersebut;
- 6.1.3 Memastikan risiko Sangat Tinggi yang membawa bencana kepada hospital dapat diatasi (jika ada);
- 6.1.4 Mengenalpasti dan membincangkan keputusan utama dalam mengendalikan profil risiko Hospital;
- 6.1.5 Mengesyorkan dasar-dasar pengurusan risiko yang sesuai kepada Pengurusan dari masa ke semasa;
- 6.1.6 Memastikan pengurusan risiko HCTM memenuhi dan mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan;

6.2 CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PELAN PENGURUSAN RISIKO HCTM



7.0 CARTA ALIR PENGURUSAN RISIKO (CARTA 7.1)



Sumber: Pelan Pengurusan Risiko 2016-2020: Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko Kementerian Kesihatan Malaysia

## 8.0 PROSES PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko digariskan berdasarkan 5 langkah utama Rantai Pengurusan Risiko:

- i. Penetapan konteks
- ii. Penilaian risiko – mengenalpasti, menganalisa dan mengkategorikan
- iii. Penetapan strategi kawalan risiko
- iv. Pemantauan dan semakan semula
- v. Komunikasi dan perundingan

### 8.1 PENETAPAN KONTEKS

**8.1.1** Dalam membangunkan konteks, ciri-ciri berikut boleh dipertimbangkan oleh Pegawai Risiko Jabatan bagi menentukan konteks pengurusan risiko dengan menganalisa latar belakang dan persekitaran, seperti berikut:

**8.1.1.1** Risiko kepada organisasi/ hospital;

**8.1.1.2** Risiko kepada jabatan/ unit;

**8.1.1.3** Risiko kepada orang perseorangan samada pesakit, anggota, waris, kontraktor dan sebagainya.

Ini kerana jika sesuatu bencana berlaku ianya akan melibatkan samaada perkhidmatan klinikal, perkhidmatan sokongan klinikal ataupun pentadbiran. Ianya bergantung kepada lokasi tempat kejadian. Pegawai risiko hendaklah melihat kepada perkara tersebut agar jabatan boleh menghasilkan Pelan Kesenambungan Pengurusan (BCP) yang efektif.

**8.1.2** Bagi setiap skop tersebut, kenalpasti objektif utama yang ingin dicapai samada ianya memberi risiko keselamatan, kualiti ataupun kecemerlangan.

**8.1.3** Bagi projek yang memerlukan kelulusan pihak tertinggi hospital/UKM, **Borang Penilaian Risiko** hendaklah dilengkapkan mengikut Garis Panduan Penilaian Projek UKM. (**Lampiran 1**)

**8.1.4** Daftar Peluang adalah merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Peluang UKM

## 8.2 PENILAIAN RISIKO

Pegawai risiko akan mula melakukan penilaian risiko bagi setiap konteks yang telah dikenal pasti. Secara khususnya, konteks dan objektif utama risiko di HCTM adalah keadaan atau situasi yang boleh:

- i. Menjejaskan keselamatan dan persekitaran di hospital;
- ii. Menjejaskan perkhidmatan yang berkualiti dilaksanakan dan;
- iii. Menghalang daripada mencapai kecemerlangan perkhidmatan.

Sekiranya didapati, terdapat aktiviti atau keadaan yang setelah dinilai boleh memberikan risiko yang Tinggi atau Sangat Tinggi, maka aktiviti atau keadaan ini perlu dicatat dan dibawa kepada pihak Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko dan pihak Pengurusan Hospital bagi pertimbangan dan tindakan seterusnya.

### 8.2.1 Mengenal pasti Risiko (Risk Identification)

Pengenalpastian risiko ini dilakukan langkah demi langkah oleh pegawai risiko jabatan dengan mengenal pasti semua potensi risiko, sumber risiko dengan melihat kepada isu luaran dan dalaman yang boleh mempengaruhi risiko HCTM seperti kaedah di bawah:

- i. Isu Luaran (Kaedah PESTEL)  
(Politik, Ekonomi, Sosial, Teknologi, Persekitaran, Undang-undang)
- ii. Isu Dalaman (Kaedah SWOT, PQCDMS)  
(Produktiviti, Kualiti, Kos, Penyampaian Perkhidmatan, Keselamatan, Nilai)

**8.2.1.1** Isu-isu ini boleh dikenalpasti melalui beberapa sumber seperti dapatan daripada mesyuarat, statistik kajian kepuasan pelanggan, cadangan/aduan pelanggan, pelaporan insiden, arahan pelaksanaan dasar baru dan sebagainya.

- 8.2.1.2** Setelah konteks dikenal pasti, tentukan aktiviti atau keadaan yang boleh menyebabkan di atas tidak dapat dicapai samaada dengan menjalankan Teknik 5W ataupun gambarajah Ishigawa dengan mengambil kira kategori berikut:
- a. Sumber Manusia (Organisasi dan Sumber Manusia)  
Cth: Perjawatan, kemahiran, servis;
  - b. Perundangan (Undang-undang, standard, polisi dan prosedur)  
Cth: Pematuhan kepada undang-undang, standard, polisi dan prosedur yang jelas dalam melaksanakan tugas;
  - c. Strategik (Kemudahan fasiliti dan alatan)  
Cth: Fasiliti dan alatan yang mencukupi, mematuhi peraturan dan standard keselamatan, dioperasi dan diselenggara dengan baik;
  - d. Operasi (Proses aliran pesakit dan standard penjagaan pesakit)  
Cth: Aliran pengendalian pesakit dari pesakit luar/ Jabatan Kecemasan & Trauma sehingga discaj dan rawatan susulan;
  - e. Kewangan  
Cth: Kemampuan kewangan dalam meneruskan operasi hospital tanpa gangguan dan menaik taraf kemudahan dan servis hospital;
  - f. Keselamatan Maklumat  
Cth: Risiko berkaitan dengan maklumat yang dihasilkan tidak tepat, tidak lengkap, tidak sesuai, disalah guna, out-of date. Memastikan data pesakit dilindungi dari ancaman seperti hackers;
  - g. Reputasi  
Cth: Risiko yang berkaitan dengan nama Negara / Kementerian /Jabatan dan Unit di HCTM.
- 8.2.1.3** Bagi setiap elemen tersebut, kenalpasti situasi atau keadaan yang boleh menyebabkan ketidakcapaian objektif/ matlamat samada kepada organisasi, jabatan/unit mahupun individu;
- 8.2.1.4** Aktiviti atau keadaan ini kemudiannya akan disusun dari potensi risiko Sangat Tinggi ke risiko Rendah;

**8.2.1.5** Seterusnya, lokasi-lokasi yang berpotensi mencetus kejadian risiko ini akan disusun mengikut hierarki kepentingan.

**8.2.2** Dari informasi ini, pihak Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko HCTM akan melakukan analisa situasi atau keadaan mana yang boleh memberi risiko Sangat Tinggi dan Tinggi yang perlu diambil tindakan terus atau diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Analisa itu boleh dinyatakan dalam konteks matriks berikut:

- i. Kategori: Sumber manusia, Perundangan, Strategik, Operasi, Kewangan, Keselamatan Maklumat dan Reputasi;
- ii. Konteks Utama: Keselamatan, Kualiti dan Kecemerlangan;
- iii. Kesan: Organisasi, Jabatan, Individu;
- iv. Penilaian Risiko: Sangat Tinggi, Tinggi, Ketara, Sederhana, Rendah.

**8.2.3** Matriks di atas adalah penilaian risiko awal oleh Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko HCTM. Hasil daripada analisa awal ini, Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko akan memberi tugas samada kepada kumpulan penyelaras risiko daripada jawatankuasa jika melibatkan organisasi; atau kepada jabatan/ individu apabila ia melibatkan jabatan atau perseorangan. Teknik seperti SAFER Matrix boleh digunapakai.

**8.2.4** Kumpulan yang ditugaskan itu akan memperincikan lagi aktiviti/ keadaan mengikut konteks yang diberi mengikut keutamaan penilaian risiko awal itu.

**8.2.5** Rujuk **Lampiran 2** bagi **Jenis Pendedahan risiko yang berkemungkinan dan penilaian risiko.**

Perincian itu dilakukan menggunakan kaedah penilaian risiko, seperti yang diterangkan pada 8.2.

#### **8.2.6 Menganalisis Risiko**

**8.2.6.1** Risiko yang telah dikenal pasti oleh Pegawai Risiko akan dianalisa dengan mengambilkira potensi Kejadian boleh berlaku berdasarkan Tahap kebarangkalian – kadar sesuatu kejadian risiko berlaku di sesebuah PTj.

Jadual Tahap Kebarangkalian

TAHAP	DEFINISI		KETERANGAN
(5) Hampir pasti	> 1 dlm10	Hampir pasti ( <i>Almost Certain</i> )	Peristiwa dijangka berlaku atau akan berlaku secara berkala (berulang) dengan kebarangkalian yang tinggi.
(4) Berkemungkinan tinggi	1 dlm 11 -100	Berkemungkinan tinggi ( <i>Likely</i> )	Peristiwa mempunyai kebarangkalian untuk berlaku (peluang yang signifikan)
(3) Berpeluang untuk berlaku	1 dlm 101 -1000	Berpeluang untuk berlaku ( <i>Possible</i> )	Peristiwa berkemungkinan berlaku (peluang yang realistik)
(2) Kemungkinan rendah	1 dlm 1001 -10000	Kemungkinan yang rendah ( <i>Low</i> )	Peristiwa boleh berlaku (peluang yang moderate)
(1) Hampir Tiada Kemungkinan	< 1 dlm 10000	Hampir tiada kemungkinan ( <i>Unlikely</i> )	Peristiwa tidak dilihat akan berlaku atau hanya akan berlaku dalam keadaan – keadaan yang luarbiasa (peluang yang jauh)

Sumber: Polisi & Garis Panduan Pengurusan Risiko UKM – Edisi Ketiga

8.2.6.2 Seterusnya, akan ditentukan Indeks Impak seperti di Jadual di bawah, sebagai rujukan bagi menentukan tahap impak sesuatu insiden berdasarkan beberapa faktor yang dikenal pasti.

Kategori	Tiada Kesan	Kecil	Sederhana	Besar	Bencana
<b>Perundangan</b>	Tiada implikasi perundangan	Implikasi perundangan tetapi diselesaikan melalui peraturan sedia ada	Implikasi perundangan di peringkat mahkamah tanpa perubahan / dasar sedia ada	Implikasi perundangan di peringkat mahkamah dengan menyebabkan perubahan peraturan / dasar sedia ada	Menyebabkan pindaan akta, perundangan
<b>Strategik</b>	Tiada kelewatan mencapai sasaran suku tahunan tanpa menjejaskan matlamat perkhidmatan keseluruhan	Kelewatan mencapai sasaran suku tahunan tanpa menjejaskan matlamat perkhidmatan keseluruhan	Kelewatan mencapai strategi objektif atau matlamat perkhidmatan	Kegagalan mencapai objektif pelanggan	Kegagalan mencapai strategi objektif atau matlamat perkhidmatan
<b>Keselamatan Maklumat</b>	Maklumat dan data boleh dicapai	Maklumat dan data kurang dicapai	Maklumat dan data tidak dicapai	Cubaan pengodaman maklumat dan data	Maklumat dan data hilang

<b>Manusia</b>	1. Kecederaan kecil yang tidak memerlukan rawatan 2. Memberi kesan terhadap rakyat/industri di sebuah Mukim	1. Kecederaan memerlukan rawatan ringan/first aid 2. Memberi kesan terhadap rakyat/industri di sebuah Daerah	1. Kecederaan memerlukan rawatan pesakit luar 2. Memberi kesan terhadap rakyat/industri di sebuah Negeri	1. Kecederaan memerlukan kemasukan wad 2. Memberi kesan terhadap rakyat/industri lebih dari sebuah negeri	1. Menyebabkan sekurang-kurangnya satu kematian /impak kepada lebih dari seorang 2. Memberi kesan terhadap rakyat/industri di sebuah Negara
<b>Reputasi</b>	Tiada risiko mendapat Aduan/peringkat unit	Aduan di peringkat PTJ	Aduan dalam media	Publisiti negatif dari akhbar tempatan	Publisiti negatif dari akhbar tempatan dan antarabangsa
<b>Kewangan</b>	1% dari nilai peruntukan pembangunan/mengurus	> 1% - 2% dari nilai peruntukan pembangunan/mengurus	> 2% - 3% dari nilai peruntukan pembangunan/mengurus	> 3% - 4% dari nilai peruntukan pembangunan/mengurus	> 4% dari nilai peruntukan pembangunan/mengurus
<b>Operasi</b>	Tidak dapat beroperasi di antara < 2jam	Tidak dapat beroperasi antara 2 - 4 jam	Tidak dapat beroperasi antara 4 - 12 jam	Tidak dapat beroperasi antara 12 - 24 jam	Tidak dapat beroperasi melebihi 24 jam atau perkhidmatan kritikal terjejas

Sumber: Pelan Pengurusan Risiko 2016-2020: Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko Kementerian Kesihatan Malaysia

\*Boleh juga merujuk Jadual Kesan Impak di Lampiran 3

### 8.2.7 Mengkategorikan Risiko

Seterusnya, pengkategorian tahap risiko dilaksanakan berdasarkan kepada kebarangkalian dan tahap impak sesuatu kejadian risiko boleh berlaku ke atas penyampaian perkhidmatan di HCTM. Matrik ini digunakan bagi menentukan kedudukan bagi insiden risiko HCTM di mana risiko yang dianalisa ditentukan boleh diterima atau tidak berdasarkan matrik berikut:

Jadual Matriks Risiko

Kemungkinan \ Impak			1	2	3	4	5
			Tidak ketara	Boleh diukur	Ketara	Besar	Sangat Besar
5	> 1 dlm 10	Hampir pasti	Ketara (5)	Ketara (10)	Tinggi (15)	Sangat Tinggi (20)	Sangat Tinggi (25)
4	1 dlm 11 – 100	Berkemungkinan tinggi	Sederhana (4)	Ketara (8)	Ketara (12)	Tinggi (16)	Sangat Tinggi (20)
3	1 dlm 101 – 1,000	Berpeluang untuk berlaku	Rendah (3)	Sederhana (6)	Ketara (9)	Tinggi (12)	Tinggi (15)
2	1 dlm 1,001 – 10,000	Kemungkinan rendah	Rendah (2)	Rendah (4)	Sederhana (6)	Ketara (8)	Tinggi (10)
1	< 1 dlm 10,000	Hampir Tiada Kemungkinan	Rendah (1)	Rendah (2)	Sederhana (3)	Ketara (4)	Ketara (5)

Sumber: Polisi & Garis Panduan Pengurusan Risiko UKM – Edisi Ketiga

### 8.3 PENETAPAN STRATEGI KAWALAN RISIKO

**8.3.1** Tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan kebarangkalian atau magnitud impak risiko yang dihadapi oleh HCTM adalah melalui pelaksanaan beberapa kaedah strategi kawalan risiko seperti mengelak memindah, mengurang dan menerima risiko sedia ada. Strategi kawalan risiko ini adalah seperti berikut:

**8.3.1.1** Mengelak risiko (*Avoid*) – Tidak mengambil/ meneruskan aktiviti tersebut.

**8.3.1.2** Memindah risiko (*Transfer*) – Melibatkan pihak lain yang berkongsi secara keseluruhan/ sebahagian risiko melalui kontrak, insuran, MOU dan usahasama.

**8.3.1.3** Menerima risiko (*Accept*) – Risiko yang dikenalpasti boleh dihilangkan atau dielak atau tidak ada proses rawatan yang boleh dilakukan.

**8.3.1.4** Mengurang risiko (*Reduce*) – Kurangkan risiko dengan latihan, pengujian, kawalan atau perbaiki sistem pengurusan.

PILIHAN RISIKO	KETERANGAN	CONTOH TINDAKAN
Terima	Menyediakan pelan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menentukan sasaran kerugian dan tahap toleransi.</li> <li>Menentukan caj premium terhadap risiko.</li> <li>Melibatkan belanja atau kos ke atas akibat yang akan berlaku.</li> </ul>
Kurangkan	Mengurangkan kebarangkalian risiko	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan polisi, pelan perancangan, garis panduan</li> <li>Latihan dan pengawasan</li> <li>Menghayati Etika dan Nilai</li> <li>Penerapan kepada Misi, Visi, Strategi, Objektif dan Wawasan.</li> </ul>
	Mengurangkan impak risiko	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelan Kontigensi</li> <li>Pelan Pemulihan Bencana (<i>Disaster Recovery Plan</i>)</li> <li>Pengurusan Penipuan (<i>Fraud</i>)</li> <li>Pindahan secara kontrak</li> <li>Kecilkan skala aktiviti</li> </ul>
Pindah	Pindahkan risiko kepada pihak ketiga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontrak takaful atau insurans</li> <li>Kontrak</li> <li>Usahasama, perkongsian kontrak</li> </ul>
Elak	menutup atau mengubah objektif aktiviti yang boleh menyebabkan risiko	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menutup aktiviti atau program</li> <li>Mengubah objektif aktiviti</li> </ul>

Sumber: Polisi & Garis Panduan Pengurusan Risiko UKM – Edisi Ketiga

### 8.3.2 Respon Ke Atas Risiko;

Diambil dengan memberi respon kepada risiko yang dikenalpasti dan diukur lebih awal supaya dapat diurus ke tahap yang boleh diterima. Pada peringkat ini, kita perlu mengenalpasti dan menilai kemungkinan pilihan atau kesesuaian strategi yang perlu ditetapkan bagi menguruskan risiko terbabit. Satu pelan tindakan risiko dibangunkan bagi mendapatkan jaminan munasabah ke atas pencapaian objektif. Pada kebanyakan keadaan, adalah sukar untuk mengelak dan menghapuskan risiko.

Respon risiko adalah bertujuan:

- i. Meminimakan kebarangkalian atau/dan kekerapan risiko iaitu dengan melibatkan pihak pengurusan secara aktif menguruskan punca risiko;
- ii. Mengurangkan impak risiko melalui mekanisma pre-loss pencegahan berlaku seperti pemasangan water sprinkler atau post-loss seperti menyediakan DRP.

Pemilihan 4 respon risiko ini perlulah mempunyai keseimbangan daripada segi kos dan manfaat.

Beberapa persoalan yang digunakan dalam memilih pelan respon risiko seperti:

- Apakah keberkesanan kos yang sesuai?
- Apakah penunjuk prestasi yang digunakan untuk mengawasi tahap risiko?
- Apakah proses atau tindakan yang sesuai untuk meminimakan risiko?
- Apakah sumber yang diperlukan seperti kakitangan sokongan, peruntukan wang atau bantuan teknikal yang sesuai?
- Siapakah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan pelan respon risiko dan tempoh masa yang terlibat?

Keberkesanan pelaksanaan pelan respon risiko memerlukan sistem pengurusan yang efektif, yang mana spesifik:

- Kaedah yang dipilih;
- Tanggungjawab yang jelas dan akauntabiliti pada setiap tindakan; dan
- Pemantauan aktif ke atas pelaksanaan dan penanda arasan terhadap kriteria spesifik. Pada masa yang sama berpandukan kedudukan risiko tersebut, pelan tindakan yang sesuai.

Jadual Kategori kawalan

KATEGORI KAWALAN	KETERANGAN
Cemerlang	Langkah mitigasi diukur setaraf dengan amalan terbaik global (penilaian bebas) diukur dan dilaksanakan.
Baik	Langkah mitigasi yang baik, sentiasa disemak semula dan bersesuaian pada semua peringkat aktiviti.
Memuaskan	Langkah mitigasi formal diukur dan dilaksanakan atau mengikut (SOP) <i>Standard Operating Procedure</i> .
Lemah	Langkah mitigasi yang minimum atau keperluan peraturan minimum diukur serta dilaksanakan.
Tiada Kawalan	Tiada langkah mitigasi dilaksanakan.

**Sumber:** Polisi & Garis Panduan Pengurusan Risiko UKM – Edisi Ketiga

Pegawai Risiko perlu memastikan bahawa bagi kawalan yang dikategori kurang berkesan (lemah dan tiada kawalan) perlu diambil tindakan serta merta. Kawalan yang dibuat adalah dalam bentuk pengenalan, semak semula, atau penambahbaikan polisi, prosedur dan garis panduan, penambahbaikan proses perniagaan, aplikasi perisian atau alat ataupun lain-lain mekanisme kawalan yang bersesuaian. Setelah mengambil kira pengukuran kawalan, risiko kemudian dinilai semula.

#### 8.4 PEMANTAUAN DAN SEMAKAN SEMULA RISIKO

- 8.4.1 Kesemua aktiviti yang berisiko rendah, sederhana, ketara akan dipantau di peringkat jabatan dan unit masing-masing.
- 8.4.2 Bagi risiko Tinggi, Sangat Tinggi dan berulang, ianya akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko untuk dinilai dan diuruskan supaya potensi kejadian dapat diminimumkan.
- 8.4.3 Proses semakan risiko ini juga akan dibuat bagi insiden yang telah berlaku tetapi tidak didaftar di dalam Daftar Risiko. Setiap penyiasatan insiden ini perlu dilaksanakan "root cause analysis" supaya risiko untuk kejadian itu berulang dapat dikurangkan.
- 8.4.4 Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko perlu menyemak prestasi pengurusan risiko meliputi prosedur operasi standard, penunjuk prestasi, pelaporan risiko dan prosedur eskalasi secara tahunan atau sekiranya terdapat kejadian berpotensi risiko tinggi yang mungkin dialami oleh HCTM.

**8.4.5** Kaedah pemantauan dan pengawalan risiko adalah seperti berikut:

- 8.4.5.1** Penilaian Semula Risiko (sekurang-kurangnya 2 kali setahun atau secara berkala untuk mengenalpasti risiko baharu);
- 8.4.5.2** Audit Risiko semasa bengkel Bersama JK teknikal pengurusan risiko dan semasa audit dalam ISO HCTM.

Pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan dalam memastikan keseluruhan kerangka berfungsi dengan baik. Dengan erti kata yang lain, tindakan susulan ke atas hasil pada setiap langkah, penilaian semula ke atas risiko sekiranya perlu dan tahap keutamaan di semak semula. Pelarasan keutamaan diperlukan bergantung kepada:

- Faktor yang memberi kesan kepada kebarangkalian / kekerapan dan sejauh mana impak;
- Faktor-faktor yang memberi kesan kepada kesesuaian atau kos daripada pelbagai respon risiko;
- Proses semak semula secara berterusan adalah sesuai untuk memastikan pelan Respon risiko kekal relevan.

Sehubungan itu, ia adalah sesuai untuk mengulangi keseluruhan proses sekiranya diperlukan. Alat pengurusan risiko boleh digunakan untuk mengumpul dan menyimpan risiko secara terkumpul dan Pelan Pengurusan Risiko bagi operasi jabatan masing-masing.

## **8.5 KOMUNIKASI DAN RUNDINGAN RISIKO**

- 8.5.1** Komunikasi membolehkan aktiviti-aktiviti penting kepada pengurusan risiko dilaksanakan dalam setiap proses yang telah diwujudkan dalam rangka kerja pengurusan risiko.
- 8.5.2** Komunikasi dan rundingan dalam pengurusan risiko penting bagi:
  - 8.5.2.1** Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko yang telah dibangunkan;
  - 8.5.2.2** Mendokumentasikan semua mesyuarat dan perbincangan dengan stakeholders;
  - 8.5.2.3** Mengkomunikasikan Pelan Pengurusan Risiko kepada warga HCTM;
  - 8.5.2.4** Meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga hospital berkenaan Pelan Pengurusan Risiko;

**8.5.2.5** Menyalurkan maklumat terkini berhubung Pelan Pengurusan Risiko.

**8.5.3** Komunikasi ini juga akan membantu pihak hospital menyalurkan maklumat kepada pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan perhatian dan kesedaran semua pihak dalam mengambil langkah-langkah persediaan yang bersesuaian bagi menghadapi setiap risiko dan ancaman tersebut.

**8.5.3.1** Pemakluman Ke Peringkat Bawah (Dalam) Kakitangan dan Pesakit:

- i. Penyelaras pengurusan risiko setiap jabatan dan unit perlu mengenalpasti risiko rendah/ sederhana/ketara yang dikenal pasti dan memaklumkan kepada semua kakitangan yang terlibat untuk tindakan dan langkah berjaga-jaga mereka;
- ii. Manakala, risiko Tinggi/ Sangat Tinggi akan dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko;
- iii. Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko akan mengemukakan cadangan tentang cara menangani risiko tersebut dan akan memaklumkan kepada jabatan/ kakitangan yang terjejas untuk pelaksanaan dan maklum balas sama ada rawatan risiko itu berkesan atau tidak;
- iv. Program kesedaran atau latihan seperti kursus, "*tabletop exercise*" dan latihan praktikal dijalankan dari semasa ke semasa di peringkat jabatan dan hospital.

**8.5.3.2** Pemakluman Ke Peringkat Atasan (Dalam)

Ia melibatkan pemakluman risiko kepada ROSH-UKM atau mana-mana pihak atasan yang bersesuaian.

**8.5.3.3** Pemakluman ke Peringkat Luar

Ia melibatkan pemakluman risiko kepada pihak luar yang berkaitan termasuklah agensi KKM dan juga organisasi lain. Komunikasi ini boleh dipanjangkan mengikut kesesuaian jika penglibatan bersama agensi luar dapat membantu mengurangkan risiko berkenaan.

#### 8.5.4 Pelaporan Risiko

Kaedah pelaporan risiko boleh dibuat melalui pelbagai medium sama ada secara web (webbased) dan juga secara sendiri (stand alone) seperti menggunakan excel bagi menyimpan data yang dikumpul. Medium ini menyediakan daftar risiko dan pelan tindakan mitigasi risiko.

Unit Pengurusan Risiko HCTM bertanggungjawab menyediakan laporan pengurusan risiko kepada Pengurusan HCTM dan ROSH UKM mengenai:

- Senarai risiko yang utama.
- Kawalan dalaman yang sesuai untuk mengurus risiko terbabit.

### 9.0 HAD PENERIMAAN RISIKO

#### 9.1 Had Penerimaan Risiko

9.1.1 Had penerimaan risiko ditentukan berasaskan Matrik Kebarangkalian dan Impak. HCTM menentukan sama ada sesuatu risiko boleh diterima atau tidak berdasarkan keputusan jadual 4.6.

**Jadual 4.6 Pelan Tindakan Risiko**

KEDUDUKAN RISIKO	PELAN TINDAKAN
Sangat Tinggi	Memerlukan perhatian segera daripada Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Atasan Universiti. Ketua PTJ perlu memastikan Risiko diuruskan dengan Pelan Tindakan yang terperinci.
Tinggi	
Ketara	Memerlukan perhatian daripada Ketua PTJ yang berkaitan dan Pengurusan Atasan Universiti.
Sederhana	Risiko boleh diuruskan secara minima dan perekodan risiko dibuat di peringkat PTJ.
Rendah	

Sumber: Polisi & Garis Panduan Pengurusan Risiko UKM – Edisi Ketiga

**9.1.2** Berdasarkan Had Penerimaan Risiko tersebut, HCTM telah bersetuju dengan ketetapan berikut:

**9.1.2.1** Risiko RENDAH, SEDERHANA DAN KETARA yang boleh diterima dan akan diuruskan dengan menggunakan mekanisme sedia ada oleh JABATAN berkaitan.

**9.1.2.2** Manakala RISIKO TINGGI DAN SANGAT TINGGI adalah tahap risiko yang tidak boleh diterima. HCTM akan membina strategi kawalan yang sesuai bagi insiden-insiden risiko tersebut.

**9.1.3** Risiko-risiko ini akan diuruskan kepada risiko serendah yang munasabah dan boleh dipraktikkan (ALARP: As Low As Reasonably Practicable) bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan yang selamat dan mencapai matlamat organisasi.

**9.1.4** Tindakan ini akan dipantau dan dikaji semula 2 kali setahun seperti yang diterangkan pada para 8.4.

## **9.2 Mengenalpasti Tahap Risiko Sisa (Residual Risk)**

**9.2.1** Sekiranya terdapat langkah semasa seperti pelan pengurusan bencana, pelan luar jangka, pelan pemulihan dan pelbagai kawalan fizikal dan pengurusan yang mengurangkan tahap risiko, maka penarafan matriks risiko hendaklah dinilai semula. Ini hendaklah menjadi penarafan risiko akhir.

**9.2.2** Daripada penarafan risiko akhir yang dikenal pasti oleh jabatan/unit, Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko HCTM hendaklah membandingkan keputusan analisis risiko ini dengan kriteria risiko bagi menentukan kebolehterimaan tahap risiko semasa. Risiko akhir ini adalah Risiko Baki (residual risk).

## **10.0 PERSEDIAAN MENGHADAPI BENCANA**

Dalam usaha menangani sebarang risiko tinggi yang boleh menyebabkan bencana di hospital, pihak pengurusan HCTM telah menyediakan kelengkapan, sumber manusia, peralatan, sistem komunikasi dan bantuan yang diperlukan jika bencana berlaku. Senarai semak Sumber Sumber Dalaman HCTM dilampirkan pada **Lampiran 4**. Manakala Sumber Bantuan Luar disenaraikan pada **Lampiran 5**.

## 11.0 RUJUKAN


- 11.1 Pelan Pengurusan Risiko 2016-2020: Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 11.2 Polisi Garis Panduan Pengurusan Risiko Ukm. Edisi Ketiga. 2022.
- 11.3 Garis Panduan Pengurusan Peluang UKM
- 11.4 Pelan Pengurusan Risiko 2022. Hospital Kepala Batas. Pulau Pinang.
- 11.5 ISO 31000: 2018 Pengurusan Risiko (*Risk Management*)
- 11.6 MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti
- 11.7 ISO 22301 *Business Continuity Management*

## 12.0 DOKUMEN BERKAITAN

Prosedur Pengurusan Risiko HCTM/JKIK/UPR/PR01

13.0 LAMPIRAN

Lampiran 1: Borang Penilaian Risiko Projek /Aktiviti / Program PTJ


 PUSAT PENGURUSAN RISIKO, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM)  
 Awas 1, Bangunan IKMAS,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi, Selangor

**ROSH-UKM**

---

**BORANG PENILAIAN RISIKO PROJEK/AKTIVITI/PROGRAM PTJ**

PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) : \_\_\_\_\_  
 NAMA PROJEK/AKTIVITI/PROGRAM : \_\_\_\_\_  
 TARIKH PELAKSANAAN : \_\_\_\_\_  
 LOKASI : \_\_\_\_\_

**RINGKASAN PROJEK/AKTIVITI/PROGRAM:** (nyatakan latarbelakang, objektif, sasaran penyertaan, bilangan peserta (anggaran):

KATEGORI RISIKO	PUNCA RISIKO (Isu atau masalah sedia ada untuk melaksanakan projek berkenaan)	RISIKO (wujud akibat daripada isu atau masalah yang dikenalpasti)	KESAN RISIKO (mungkin terjadi sekiranya risiko tersebut berlaku)	KAWALAN SEDIA ADA (Kawalan yang sudah dilaksanakan oleh PTJ)	SKOR KEBARANG KALIAN (L)	SKOR IMPAK (I)	SKOR RISIKO (L X I)	KAWALAN TAMBAHAN (Kawalan baru yang akan dilaksanakan)

\*Sila tambah sekiranya ruang tidak mencukupi

**Peluang yang boleh diperolehi daripada projek/aktiviti/program**

<b>Disediakan oleh: (Pegawai Risiko atau Pemilik Projek)</b> Nama : ..... UKMPer/No. Matrik : ..... Tarikh : ..... Tandatangani & Cop Rasmi : ..... (sekiranya ada)	<b>Disemak dan disahkan oleh: (Ketua Pusat Tanggungjawab / Ketua Pentadbiran)</b> Nama : ..... UKMPer : ..... Tarikh : ..... Ulasan : ..... Tandatangani & Cop Rasmi: .....
--	--

Pindaan Borang bertariikh 12 Januari 2026

\*Sebarang perubahan tertakluk kepada ROSH-UKM

\*RUJUKAN TIDAK PERLU DIHANTAR SEMULA KE ROSH-UKM

RUJUKAN

KATEGORI RISIKO

Strategik	Perundangan	Reputasi	Kewangan	Operasi
-----------	-------------	----------	----------	---------

TAHAP KEBARANGKALIAN RISIKO

TAHAP KEBARANGKALIAN	SKOR KEBARANG KALIAN	KETERANGAN
Hampir Pasti	5	Peristiwa dijangka berlaku atau akan berlaku secara berkala (berulang) dengan kebarangkalian yang tinggi.
Berkemungkinan tinggi	4	Peristiwa mempunyai kebarangkalian untuk berlaku (peluang yang signifikan)
Berpeluang berlaku	3	Peristiwa berkemungkinan berlaku (peluang yang realistik)
kemungkinan rendah	2	Peristiwa boleh berlaku (peluang yang moderate)
Hampir tiada kemungkinan	1	Peristiwa tidak dilihat akan berlaku atau hanya akan berlaku dalam keadaan – keadaan yang luarbiasa (peluang yang jauh)

TAHAP IMPAK RISIKO

TAHAP IMPAK	SKOR IMPAK	KETERANGAN
Sangat Tinggi	5	Mengancam kejayaan projek/aktiviti/program dan melibatkan kehilangan nyawa
Tinggi	4	memberi kesan yang besar kepada kejayaan projek/aktiviti/program dan melibatkan kecederaan serius yang memerlukan rawatan rapi
Ketara	3	memberi kesan yang ketara kepada projek/aktiviti/program dan kecederaan yang memerlukan rawatan segera
Sederhana	2	memberi kesan yang kecil kepada projek/aktiviti/program dan kecederaan yang memerlukan rawatan pesakit luar
Rendah	1	Memberi kesan yang sangat kecil dan mungkin boleh diabaikan

MATRIK RISIKO

Kemungkinan		IMPAK				
		1 Rendah	2 Sederhana	3 Ketara	4 Tinggi	5 Sangat Tinggi
5	Hampir pasti	Ketara (5)	Ketara (10)	Tinggi (15)	Sangat Besar (20)	Sangat Besar (25)
4	Berkemungkinan tinggi	Sederhana (4)	Ketara (8)	Ketara (12)	Tinggi (16)	Sangat Besar (20)
3	Berpeluang untuk berlaku	Rendah (3)	Sederhana (6)	Ketara (9)	Tinggi (12)	Tinggi (15)
2	Kemungkinan rendah	Rendah (2)	Rendah (4)	Sederhana (6)	Ketara (8)	Tinggi (10)
1	Hampir Tiada Kemungkinan	Rendah (1)	Rendah (2)	Sederhana (3)	Ketara (4)	Ketara (5)

SKOR RISIKO

Rendah
Sederhana
Ketara
Tinggi
Sangat Tinggi

Lampiran 2: Jenis Pendedahan yang Berkemungkinan dan Penilaian Risiko

Penerangan Risiko	KEMUNGKINAN	IMPAK	Penarafan Risiko
<b>*Gempa bumi &amp; Tanah Runtuh</b> (kematian & kecederaan akibat runtuh bangunan)	HAMPIR TIADA KEMUNGKINAN	SANGAT BESAR	KETARA 5
<b>*Gelombang Haba</b>	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	BESAR	TINGGI 12
<b>*Ribut/Taufan</b>	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	SANGAT BESAR	KETARA 5
<b>*Banjir</b> (lemas & kecederaan)	KEMUNGKINAN RENDAH	BESAR	KETARA 8
<b>*PENCERAMARAN UDARA</b>	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	BESAR	TINGGI 12
<b>Kebakaran</b> (kematian & kecederaan akibat melecur, penyedutan asap atau kegagalan pernafasan dalam kalangan individu berisiko)	BERKEMUNGKINAN TINGGI	SANGAT BESAR	SANGAT TINGGI 20
<b>Kegagalan Penggera Kebakaran</b>	KEMUNGKINAN RENDAH	BESAR	KETARA 8
<b>Kegagalan Bekalan Air</b>	KEMUNGKINAN RENDAH	BESAR	KETARA 8
<b>Kegagalan Bekalan Elektrik</b> (kakitangan atau orang awam mungkin menggunakan api terbuka untuk pemanasan atau pencahayaan dengan peningkatan risiko kebakaran & masalah pernafasan)	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	BESAR	TINGGI 12
<b>Kegagalan Bekalan Gas</b>	KEMUNGKINAN RENDAH	KETARA	SEDERHANA 6
<b>Kegagalan Gas Perubatan</b>	KEMUNGKINAN RENDAH	SANGAT BESAR	TINGGI 10
<b>Kerosakan Infrastruktur</b> (berikutan sesuatu kejadian – menjejaskan)	KEMUNGKINAN RENDAH	SANGAT BESAR	TINGGI 10

keupayaan menyediakan perkhidmatan kesihatan)			
<b>Kerosakan akibat Air yang menyebabkan fasiliti tidak dapat berfungsi</b>	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	BESAR	TINGGI 12
<b>Kapasiti Hospital melebihi had</b>	HAMPIR PASTI	BESAR	SANGAT TINGGI 20
<b>Pertikaian Perindustrian</b>	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	BESAR	KETARA 4
<b>Wabak/Pandemik</b>	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	SANGAT BESAR	TINGGI 15
<b>Kegagalan sistem komputer – melebihi 1 hari</b>	BERKEMUNGKINAN RENDAH	SANGAT BESAR	TINGGI 15
<b>Bom atau Letupan (kematian &amp; kecederaan akibat runtuh bangunan &amp; kebakaran)</b>	KEMUNGKINAN RENDAH	SANGAT BESAR	TINGGI 10
<b>Tumpahan &amp; Kebocoran Bahan Kimia (pelbagai kecederaan daripada melecur hingga masalah pernafasan)</b>	BERPELUANG UNTUK BERLAKU	SANGAT BESAR	TINGGI 15
<b>Insiden Biologi – Kebocoran, tumpahan atau pencemaran</b>	KEMUNGKINAN RENDAH	BESAR	KETARA 8
<b>Insiden Radiologi</b>	KEMUNGKINAN RENDAH	BESAR	KETARA 8
<b>Kepentingan Awam terjejas</b>	BERKEMUNGKINAN TINGGI	BESAR	TINGGI 16

- **Kegagalan kejuruteraan utama** – paip air utama pecah, kegagalan stesen janakuasa elektrik, kegagalan penjana dan sebagainya
- **Kesan kepada bangunan** – helikopter atau pesawat.
- **Tumpahan bahan kimia berhampiran hospital** – tangki lori.
- **Kegagalan sistem komunikasi.**
- **Kegagalan Sistem Gas Retikulasi Perubatan-** oksigen, Sedutan

